



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Rugi RM90,194 angkara scammer  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 29 September 2022

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 18

# Rugi RM90,194 angkara scammer

**Peniaga wanita buat empat transaksi ke dua akaun**

Oleh Hidayatidayu Razali  
bhnews@nsp.com.my

**Kota Bharu:** Peniaga dalam talian mengalami kerugian RM90,194 selepas diperdaya oleh scammer yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Wanita yang hanya mahu dikenali sebagai Najwa, 33, itu berkata, dalam kejadian pada 24 September lalu, ketika dia berada di rumahnya di ini antara 1.30 tengah hari hingga 6 petang.

Beliau berkata, dia dihubungi seorang wanita yang mendakwa sebagai pegawai LHDN Cyberjaya dan ketika itu dia juga sedang menyelesaikan tunggakan LHDN.

“Wanita itu memaklumkan saya mempunyai tunggakan selama 15 bulan yang berjumlah lebih RM30,000.

“Saya terkejut kerana tunggakan yang diterima melalui surat LHDN sebelum ini tidak sebanyak itu dan ia tidak sampai dalam

tempoh 15 bulan,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

#### **Sambung' ke talian IPD**

Katanya, dia mahu membuat laporan di balai polis berdekatan, namun ketika itu suaminya masih bekerja dan pihak yang menyamar itu ‘menyambung’ talian ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Bharu.

Katanya, hasil carian di internet juga mendapati nombor yang menghubunginya adalah benar dari IPD Kota Bharu dan kemudiannya bercakap dengan seorang lelaki yang mendakwanya adalah Inspektor Ahmad Fauzi untuk membuat laporan secara

dalam talian.

“Talian itu kemudian ‘disambung’ ke Bukit Aman pula dan saya dimaklumkan terbabit dalam pengubahan wang haram berjumlah RM228,000 yang diterima daripada seorang lelaki dan juga kes penyeludupan dadah sebanyak 90 kilogram (kg),” katanya.

Mendakwa seperti dipukau,

beliau kemudian membuat empat transaksi yang berjumlah RM90,194 ke dua akaun yang diberikan.

Sementara itu, Ketua Polis Kelantan Datuk Muhamad Zaki Harun mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

**Taman  
Sungai Petai  
Permai**

**Hakmilik Kekal**  
**Siap dengan**  
**CCC**

